

09 MAY 2003

Schroeder-Lawatan

SCHROEDER LAWAT MALAYSIA MULAI ISNIN

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Canselor Republik Persekutuan Jerman, Gerhard Schroeder akan melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia mulai Isnin ini.

Lawatan Canselor Schroeder merupakan lawatan rasmi pertama oleh Ketua Kerajaan Jerman ke Malaysia berikutan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jerman pada Mac tahun lepas.

"Lawatan ini menandakan kepentingan yang diletakkan oleh Jerman dalam memperkuatkan lagi hubungan dua hala yang sedia antara Malaysia dan Jerman, terutamanya dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pendidikan," kata Wisma Putra dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Nilai perdagangan dua hala antara kedua-dua negara semakin berkembang dan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara adalah positif di sebalik kesan negatif tragedi 11 Sept selain kelembapan ekonomi.

"Jerman terus menjadi rakan dagangan terbesar bagi Malaysia di kalangan Kesatuan Eropah (EU)," kata kenyataan itu.

Tahun lepas, jumlah keseluruhan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Jerman meningkat sebanyak lima peratus kepada RM19.13 bilion berbanding tahun sebelumnya manakala perdagangan dua hala bagi dua bulan pertama 2003 menunjukkan peningkatan signifikan sebanyak 33.18 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Eksport Malaysia ke Jerman sebahagian besarnya terdiri daripada mesin dan perkakas elektrik, mesin pejabat, peralatan telekomunikasi dan rakaman bunyi, peralatan saintifik, besi dan keluli, getah dan minyak sayur.

"Import utama daripada Jerman ialah mesin dan perkakas elektrik, mesin perindustrian, kenderaan jalan, peralatan menjana kuasa dan bahan kimia," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi Jerman merupakan sumber utama pelaburan asing ke Malaysia selama lebih 30 tahun, terutamanya dalam pengeluaran, portfolio, perdagangan dan sektor perkhidmatan.

Pada masa ini, syarikat-syarikat Jerman di Malaysia menyediakan sekitar 9,500 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dengan 15 peratus daripadanya dalam sektor pengeluaran, 40 peratus perdagangan dan 45 peratus perkhidmatan.

Malaysia dan Jerman menandatangani beberapa perjanjian termasuk Perjanjian Pemansuhan Separa Visa, Perjanjian Jaminan Pelaburan, Perjanjian Kerjasama Teknikal, Perjanjian Perkhidmatan Udara, Perjanjian Mengelak Cukai Dua Kali dan Memorandum Persefahaman mengenai Hal Ehwal Alam Sekitar.

Pada Mac tahun lepas, dua memorandum persefahaman untuk mempertingkatkan kerjasama dalam pendidikan ditandatangani antara kedua-dua negara dan Malaysia berharap untuk memperluaskan kerjasama dalam bidang pendidikan dengan Jerman, terutamanya berkaitan "Fachhochschulen."

"Lawatan oleh Canselor Schroeder ke Malaysia akan memberi dorongan untuk lebih memperluas dan mempertingkatkan hubungan antara Malaysia dan Jerman di semua peringkat," kata kenyataan itu lagi.

-- BERNAMA

AT HS ROS